



SIARAN AKHBAR

PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN KERAJAAN REPUBLIK SINGAPURA MENGENAI KERJASAMA DUA HALA DALAM PERSEKITARAN BINAAN YANG MAMPAN DAN BOLEH DIDIAM

Hari Isnin, 12 Jamadilawal 1447H | 03^{hb} November 2025M

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura bagi "Kerjasama Dua Hala dalam Persekitaran Binaan yang Mampan dan Boleh Didiami" telah berlangsung hari ini di Jerudong.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam; manakala Kerajaan Republik Singapura diwakili oleh Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat, Menteri Pembangunan Nasional, Republik Singapura. Majlis berkenaan diakhiri dengan sesi penyerahan dokumen persefahaman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Menteri Pembangunan menyatakan bahawa Memorandum Persefahaman ini dilihat sebagai satu platform yang bernilai bagi kerjasama praktikal yang membolehkan perkongsian pengetahuan serta menggalakkan kerjasama dan pembelajaran dalam pelbagai bidang seperti bangunan hijau, produktiviti dan kualiti pembinaan, pengurusan kemudahan, perancangan dan pembangunan bandar, inovasi teknologi serta reka bentuk dan kebolehcapaian sejagat.

Turut hadir semasa Majlis Penandatanganan tersebut ialah Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abd Razak, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada kedua-dua pihak.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**



PRESS RELEASE

SIGNING OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) BETWEEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM AND THE REPUBLIC OF SINGAPORE ON BILATERAL PARTNERSHIP IN SUSTAINABLE AND LIVEABLE BUILT ENVIRONMENT

Monday, 12 Jamadilawal 1447H | 03rd November 2025

The signing of the Memorandum of Understanding (MoU) between The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Singapore on the Bilateral Partnership in Sustainable and Liveable Built Environment was held today in Jerudong.

Signing on behalf of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam was The Honourable Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development Brunei Darussalam; while the Government of the Republic of Singapore was represented by His Excellency Mr. Chee Hong Tat, Minister of National Development, Republic of Singapore. The signing ceremony concluded with the official exchange of the signed documents.

In his welcoming remarks, The Minister of Development expressed that this Memorandum of Understanding is viewed as a valuable platform for practical collaboration that enables the sharing of knowledge and promote cooperation and learning in areas such as green buildings, construction productivity and quality, facilities management, urban planning and development, technological innovations as well as universal design and accessibility.

Also present at the event were Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abd Razak, Permanent Secretary, Ministry of Development; Deputy Permanent Secretaries from the Ministry of Development; as well as senior officials, officers, and staff from both countries.

-END-

Prepared and released by:
Public Relations Unit
Ministry of Development